

**CHRISTIAN FEDERATION OF MALAYSIA  
(PERSEKUTUAN KRISTIAN MALAYSIA)**

*Alamat : 26 Jalan Universiti, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

*Telefon / Faks : + 60 3 7957 1457*

*Email: [cfmsia@yahoo.co.uk](mailto:cfmsia@yahoo.co.uk)*

**KENYATAAN MEDIA CFM**

3hb Januari 2014

**SERBUAN JAIS MENCABUL HAK PERLEMBAGAAN  
DAN 10-POINT PENYELESAIAN KABINET**

Persekutuan Kristian Malaysia (CFM) mengutuk keras serbuan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS), diiringi oleh pihak polis, di premis Persatuan Alkitab Malaysia (BSM) pada petang Khamis 2 Januari, 2014.

Mereka merampas 320 buah Alkitab Bahasa Malaysia dan 10 buah Bup Kudus Alkitab dalam bahasa Iban. Presiden BSM dan Pengurus Pejabat juga ditahan dalam serbuan itu dan dibawa ke balai polis berhampiran untuk kenyataan mereka direkodkan. Kedua-dua mereka kemudiannya dibebaskan dengan jaminan polis tetapi telah diberitahu supaya mereka bersedia untuk ditemuduga oleh JAIS.

Serbuan itu merampas salinan kitab-kitab suci kami dan telah menangkap dua pegawai BSM adalah jelas mencabul hak perlembagaan-mandat kami untuk kebebasan beragama, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Tindakan tanpa alasan oleh JAIS dibantu dan bersubhat dengan polis jelas melanggar penyelesaian 10-Point Kabinet yang diumumkan pada bulan April 2011, yang menyatakan bahawa orang Kristian boleh mengimport, mencetak dan mengedar Al-Kitab di bawah syarat-syarat tertentu, semuanya telahpun dipatuhi oleh BSM.

Kami menyeru Perdana Menteri dan ahli-ahli Kabinet untuk mendukung perkataan dan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa hak-hak masyarakat Kristian di bawah Perlembagaan Persekutuan, yang merupakan undang-undang tertinggi di negara ini, supaya tidak dilanggar dan diinjak-injak oleh pegawai-pegawai agama peringkat negeri dengan penglibatan polis Persekutuan.

Tindak tidak berhati perut pihak JAIS dan polis Persekutuan bukan sahaja menyalahgunaan kuasa autoritarian tapi satu tindakan gangguan terhadap kaum Kristian di Malaysia. Ia juga merupakan serangan terang-terangan dan agresif terhadap moral dan budaya masyarakat kita yang menghargai keharmonian antara kaum dan amat menghormati kesucian kepercayaan dan buku-buku agama masing-masing.

Untuk membenarkan satu agama memantau dan mengawal bagaimana agama lain diamalkan adalah resipi tidak digemari kerana membawa bencana, dan bercanggahan dengan amalan kesederhanaan yang selalu di perkatakan oleh Perdana Menteri di luar negara.

JAIS, atau mana-mana badan yang berkaitan dengan agama Islam atau jabatan, tidak mempunyai sebarang kuasa terhadap agama lain. Ia adalah semudah itu. Jika tidak, perlindungan perlembagaan kebebasan beragama langsung tidak bermakna apa-apa.

Kami terganggu disebabkan tindakan JAIS dan polis semalam adalah episod terbaru saga yang berterusan pelanggaran berulang kebebasan beragama masyarakat bukan Islam di Malaysia.

Kami juga mengambil berat dan terganggu oleh banyak laporan ancaman yang telah dibuat dalam kedua-dua arus perdana utama dan media alternatif yang menunjukkan protes dan demonstrasi akan dianjurkan di luar gereja di Selangor.

Kami mengalu-alukan kenyataan amaran polis terhadap Umno Selangor bahawa bantahan mereka itu akan melanggar Akta Perhimpunan Aman dan pihak polis di Klang akan hadir untuk memastikan kesucian gereja sebagai tempat ibadat dan keselamatan ahli-ahli gereja.

Kami menyeru pihak polis dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk melakukan tugas bersumpah mereka untuk melindungi dan mempertahankan hak-hak minoriti Kristian di Malaysia dan untuk memastikan kesucian tempat-tempat ibadat kami dan keselamatan ahli-ahli kami tidak di cabuli dalam apapun cara. Ia adalah kewajipan polis dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan bahawa tempat-tempat ibadat kami tidak dirosakkan atau dicemari dan upacara ibadat kita tidak diganggu oleh penunjuk perasaan dan tindakan yang mengugut.

Akhir sekali, kami menyeru semua orang Kristian untuk berwaspada berdiri bersama untuk hak-hak perlembagaan mereka dan dalam doa, dan untuk kekal tenang di tengah-tengah masa-masa cubaan ini. Kami berseru kepada Allah untuk memiliki perasaan yang baik dan kebijaksanaan yang diguna pakai di tanah yang kita cintai ini.

Ditandatangani

Rev. Dr. Eu Hong Seng,  
Pengerusi dan Jawatankuasa Eksekutif  
Persekutuan Kristian Malaysia (CFM)